

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Rakyat dinasihat tidak panik</u> <u>Pencarian dilakukan polis bersama Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) memandangkan peralatan dianggarkan bernilai RM75,000 paling kerap dicuri serta berpotensi disalahguna untuk membuat bom.</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 1
2.	<u>'No need to panic over missing device'</u> The NST reported that police and the Atomic Energy Licensing Board shared the same concerns of it falling into the hands of terrorists or militants, or those who may treat it as metal to be dismantled and sold for a quick buck.	New Straits Times	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Polis: Alat radioaktif hilang tiada kaitan dengan pengganas</u> Pagi ini, New Straits Times (NST) melaporkan alat seberat 23 kilogram itu hilang sejak 10 Ogos lalu dan polis serta Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sedang berusaha mengesannya.	Malaysia Kini	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Deputy Home Minister: No need to panic over missing radioactive device</u> The police and the Atomic Energy Licensing Board (AELB) are scrambling to search the missing RDD fearing that it could be used to make a dirty bomb if it falls into the wrong hands.	The Star	Klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
5.	<u>Kuasai STEM persediaan hadapi Industri 4.0</u> Penganjuran program memperkasa bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) perlu diperluaskan kerana platform itu mampu meningkatkan daya saing dalam pembangunan teknologi, seiring mendepani Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0)	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
6.	<u>Pendapatan T7 Global dipacu segmen aeroangkasa</u> Kilang aeroangkasanya itu adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dibangunkan di tapak seluas 0.8 hektar di Taman Perkilangan Bernilai Tinggi UMW di Srendah, Selangor.	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
7.	<u>Bencana gempa bumi, bersediakah kita?</u> Bencana gempa bumi adalah satu bencana alam utama yang berlaku di seluruh dunia terutama bagi negara-negara yang berada di lingkaran api Pasifik seperti di Indonesia dan Jepun.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
8.	<u>TNB peruntukkan RM3.5 juta bantu asnaf</u> Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan memperuntukkan kira-kira RM3.5 juta bagi membantu golongan asnaf untuk memiliki rumah yang selesa dibawah projek Baiti Jannnati di seluruh negeri ini.	Kosmo	Rujuk lampiran 6
9.	<u>Kos tinggi rencat penggunaan solar dalam kalangan rakyat</u> "Tenaga solar bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di rumah bahkan dapat mengatasi kemusnahan alam dan sumber asli selain berperanan sebagai alternatif dalam meningkatkan ekonomi negara.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
10.	<u>150 homeless after two longhouses razed</u> More than 150 people were left homeless when two longhouses in Sri Aman division were razed	The Star	Klik pada tajuk berita

	to the ground in separate incidents. A longhouse comprising eight units in Lubok Antu burned down in an early morning fire on Monday (Aug 20), leaving some 48 people homeless, the state Fire and Rescue Department said.		
11.	<u>Mesin hidraulik bantu sembelihan/ Kaedah canggih korban lembu</u> “Berat mesin hidraulik itu ialah lima tan dan diperbuat daripada besi keluli tahan karat. Boleh dikatakan, mesin yang dibeli oleh masjid tersebut adalah yang terbaik yang pernah kami hasilkan,” katanya.	Kosmo	Rujuk lampiran 7 atau klik pada tajuk berita
12.	<u>Malaysia, China meterai MOU penyelidikan biobahan api, getah</u> Malaysia dan China hari ini memeterai dua memorandum persefahaman (MoU) membabitkan kerjasama penyelidikan biobahan api berasaskan sawit selain kajian mengenai getah.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
13.	<u>Turnbull waters down energy bill over leadership fears</u> Australian Prime Minister Malcolm Turnbull yesterday averted a possible leadership challenge by dropping targets for cutting greenhouse gas emissions to appease his critics, as a poll showed his government losing voter support.	Malay Mail	Rujuk lampiran 8
14.	<u>Lombok relief efforts stepped up as aftershocks kill 10</u> At least 10 people were killed by strong tremors that rocked Indonesia's holiday island of Lombok on Sunday, authorities said following the latest in a series of earthquakes that killed hundreds and forced thousands to flee their homes in recent weeks.	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
15.	<u>Hot times in the Arctic</u> According to Martin Hedberg, meteorologist at the Swedish Weather and Climate Centre, "extreme heat is 100 times more common today than it was during the 1950s, 1960s and 1970s" globally.	The Star	Rujuk lampiran 10
16.	<u>Capitalism alone cannot reverse climate change</u> Larry Elliott rightly directs our attention to the impending perils of climate change and to some of the impediments to their avoidance (Capitalism can crack climate change. But it must take risks, 16 August).	The Guardian	Klik pada tajuk berita
17.	<u>AI will cost jobs on grand scale, says Bank of England economist Andy Haldane</u> The rise of artificial intelligence will have a "dark" fallout even more disruptive than previous industrial revolutions, the Bank of England's chief economist has predicted.	The Times	Klik pada tajuk berita

18.	<u>Australia pulls out of climate change targets agreed at Paris conference</u> Embattled Australian prime minister Malcolm Turnbull has abandoned plans to set a new emissions reduction target, following a revolt by MPs in his own government amid a potential leadership challenge.	The Independent	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Green group urges Hong Kong race organisers to reduce waste at running events</u> A green group has called on local running event organisers to push forward more initiatives to reduce waste and build the city into a “green events capital”, as its research shows more than half of the rubbish thrown away at races was recyclable.	South China Morning Post	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Heatwaves, rains may become more severe as weather stalls</u> Scorching summer heatwaves and downpours are set to become more extreme in the northern hemisphere as global warming makes weather patterns linger longer in the same place, scientists said on Monday.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 13
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

KEHILANGAN ALAT RADIOGRAFI INDUSTRI

Rakyat dinasihati tidak panik

➔ Pihak berkuasa belum kenal pasti kehilangan ada kaitan jenayah terancang, keganasan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Noor Azam Shah Yaacob dan Teoh Pei Ying
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Pihak berkuasa belum dapat mengenal pasti motif kehilangan alat radiografi industri (RDD), sama ada ada kaitan dengan jenayah terancang atau keganasan.

Justeru, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman, menasihati masyarakat supaya tidak panik dengan laporan kehilangan peralatan itu dalam proses pemindahan dari Seremban ke Shah Alam pada 10 Ogos lalu.

Katanya, belum ada keperluan bagi pihak berkuasa 'menekan butang panik' susulan kehilangan RDD itu.

"Situasi kita belum mencapai tahap panik dan rakyat jangan bimbang kerana pihak berkuasa masih mengesan RDD itu.

Kita belum nampak motif kehilangan alat itu sama ada mempunyai kaitan jenayah terancang atau keganasan, mungkin kes curi biasa.

"Apa yang menjadi isu ialah alat itu mempunyai radioaktif," katanya kepada NSTP di Lobi Parlimen, semalam.

Beliau mengulas laporan kehilangan RDD ketika dibawa pulang oleh dua juruteknik sebuah syarikat dari Seremban ke Shah Alam antara jam 2 pagi hingga 3 pagi, 10 Ogos lalu.

RDD itu mengandungi isotop radioaktif iaitu Iridium 192 yang dibimbangi disalah guna, termasuk oleh penganas bagi membuat bom.

Berpotensi disalah guna

Pencarian dilakukan polis bersama Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) memandangkan peralatan dianggar bernilai RM75,000 paling kerap dicuri serta berpotensi disalah guna untuk membuat bom.

Dalam perkembangan berkaitan, siasatan dan pencarian RDD berkenaan giat dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata pihaknya belum dapat memastikan sama ada alat itu disimpan pihak tertentu.

"Kita terima banyak versi mengenai kehilangannya dan tidak boleh mendedahkan hasil siasatan buat masa ini kerana khuatir kehilangan jejak alat terbabit.



Kita belum nampak motif kehilangan alat itu sama ada mempunyai kaitan jenayah terancang atau keganasan, mungkin kes curi biasa. Apa yang menjadi isu ialah alat itu mempunyai radioaktif"

Mohd Azis Jamman,
Timbalan Menteri
Dalam Negeri

"Keterangan beberapa individu selain dua juruteknik yang menguruskan alat itu ketika hilang sudah diambil," katanya ketika dihubungi NSTP di sini, semalam.

Pelihara siasatan

Ditanya sama ada alat itu masih berada di negara ini, Mohamad Fuzi berkata, maklumat itu belum dapat didedahkan bagi memelihara siasatan.

Beliau turut mengakui kes yang sama berlaku pada tahun lalu.

Sementara itu, Mohamad Fuzi berkata, tindakan akan diambil terhadap seorang ketua polis daerah di Sabah susulan dakwaan melakukan gangguan seksual ke atas enam pegawai polis dan seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Gotong Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat PDRM di Bukit Aman, di sini, semalam, katanya, pihaknya menerima beberapa laporan daripada anggota polis dan orang awam berhubung dakwaan itu.

"Ada kebenaran di sebalik dakwaan itu, kita akan ambil tindakan terhadap pegawai polis terbabit. Saya tidak boleh beritahu bila, tetapi ia akan dilakukan dengan segera.

"Pegawai itu belum ditukarkan, kita masih menjalankan siasatan dan tindakan segera akan diambil," katanya.

LAMPIRAN 2

NEW STRAITS TIMES (NEWS/ NATION): MUKA SURAT 6

TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

23KG RADIOACTIVE DISPERSAL DEVICE

'NO NEED TO PANIC OVER MISSING DEVICE'

IGP will make announcement on any development, says deputy minister

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
ainradhi@nst.com.my

DEPUTY Home Minister Datuk Mohd Azis Jamman said there is no need for the public to panic over the Radioactive Dispersal Device (RDD) that has been missing since Aug 10.

"Nothing to be worried about for now," he said at Parliament.

He said police were investigating the case and Inspector-General of Police Tan Sri Mohamad Fuzi Harun would make an announcement on any development in the case.

He said police had yet to determine the motive in the case.

Azis said it was the first time that such an incident had happened.

"It just happened that the device contains radioactive material."

The *New Straits Times* yesterday reported that the authorities

were searching for a 23kg RDD belonging to a company offering test, calibration and inspection services to the oil and gas industry.

Two technicians of the company had loaded the device into the back of the company's Nissan Navara for a task in Seremban.

They completed the task and left Seremban for their office in Shah Alam at 2am.

When they arrived an hour later, they discovered the device missing from their pick-up truck.

The duo claimed they did not stop anywhere on their journey back to the office, but discovered the tailgate was lowered by the time they got back.

They said the device could have fallen out during the journey.

They said they retraced their journey but did not find the RDD.

The device contains the radioactive isotope Iridium-192, which emits beta and gamma radiation as it decays during its estimated half life of 73 days.

The NST reported that police and the Atomic Energy Licensing Board shared the same concerns of it falling into the hands of ter-

rorists or militants, or those who may treat it as metal to be dismantled and sold for a quick buck.

It was learnt that RDD has a market value of RM75,000.

According to published reports, Iridium-192 is one of the most stolen commercial radioactive isotopes that can be used in a dirty bomb — a non-nuclear device using conventional explosives to spread radioactive material over a wide area.

The compound is safe as long as it is inside its lead-shielded casing.

The NST learnt that the Criminal Investigation Department (CID) did not

find any sign that the tailgate had been pried open.

Investigators found that the tailgate's locking mechanism was in good condition, saying that it was not possible for it to "unlock" by itself.

The Shah Alam police headquarters' CID did not believe the duo's story and had them remanded.

However, they were released on Friday after no criminal elements were traced to them, including their possible involvement in ter-



Datuk Mohd Azis Jamman



The front-page report of the 'New Straits Times' on Aug 20.

rorism or militancy.

At least 70 RDD were reported missing worldwide in 2016, including those containing the Iridium-192 isotope.

According to a report published by Washington-based Nuclear Threat Initiative (NTI), a body which researches and investigates radioactive and atomic energy sources, eight cases of devices containing the isotope had been reported.

The highest number of cases were RDDs containing Cesium-

137 (40 cases), followed by Americium-241 (32 cases).

NTI also stated that between 2013 and 2016, 42 cases of missing RDD containing Iridium-192 were reported.

The report stated that RDD with such devices could pose a threat to the public if they were misused or if they were used for criminal or terror purposes.

It said the radioactive material contained within these devices could kill if anyone is exposed to it.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN): MUKA SURAT 59
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

Kuasai STEM persediaan hadapi Industri 4.0

Kuala Lumpur: Penganjuran program memperkasa bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) perlu diperluaskan kerana platform itu mampu meningkatkan daya saing dalam pembangunan teknologi, seiring mendepani Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin Jaffar, berkata karnival STEM adalah medium terbaik untuk membentuk kurikulum yang membantu menyediakan sumber ilmu kepada generasi muda, sekali gus keperluan bagi mereka menempuhi cabaran kerjaya kelak.

Beliau berkata, program berkenaan berupaya memberikan impak positif ke arah melahirkan pelajar kreatif dan inovatif serta mampu mengaplikasikan STEM dalam konteks dunia sebenar.

"STEM adalah merangkumi pembelajaran berasaskan projek yang diintegrasikan, pembelajaran dunia sebenar yang dibantu oleh internship dan mentor, di samping kebolehan kompetensi untuk pelajar meneroka, menyelesaikan masalah, mereka bentuk serta menghasilkan produk.

"Program ini dilihat begitu selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) gelombang dua iaitu suatu usaha Kementerian Pendidikan (KPM) untuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah Karnival STEM KPM dan Pameran Kerjaya Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Tasik Selatan, di sini,

baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Setiausaha Sulit Kanannya Mohamad Zasmi Abdul Talib.

Yang turut hadir ialah Ketua Sektor Psikologi dan Kaunseling Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Rosnah Abdullah dan Pengetua SMK Bandar Tasik Selatan, Hafsa Sharif.

Tarik minat

Sementara itu, Rosnah berkata, karnival tiga hari itu mampu menarik minat pelajar menerokai STEM dan mendedahkan mereka dengan kaedah berkesan bagi melaksanakan sesuatu projek mengikut masa ditetapkan.

"Program ini dapat merangsang minat pelajar khususnya dalam meningkatkan kemahiran, menganalisis data dan memupuk keseronokan mereka mendalami STEM," katanya.



[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

Mohd Zasmi (kanan) melawat gerai pameran pada Majlis Perasmian Penutup Karnival STEM Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018 di Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 55
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

Pendapatan T7 Global dipacu segmen aeroangkasa

[FOTO AZIAH AZMEE/BH]

T7 Global Bhd (T7 Global) menyasar meningkatkan prestasi kewangannya beberapa tahun akan datang disokong oleh segmen aeroangkasa.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan, berkata kumpulan ini memfokuskan kepada kepelbagaian aliran pendapatan baharu yang menyediakan pendapatan berulang, selain terus berusaha menambah buku tempahan.

Nik Norzrul berkata, ia akan turut disokong apabila kilang rawatan logam khusus untuk industri aeroangkasa mula beroperasi awal tahun hadapan.

"Ketika ini perniagaan teras kumpulan adalah di dalam segmen gas dan minyak (O&G) yang mewakili 80 peratus pendapatan keseluruhan kumpulan selain aeroangkasa, pembinaan dan infrastruktur.

"Tetapi kumpulan optimis segmen baharu kami iaitu aeroangkasa akan menjadi penyumbang utama dalam beberapa tahun akan datang apabila kilang pertama aeroangkasa dengan kerjasama KOV Ltd, syarikat aeroangkasa berpangkalan di United Kingdom mula beroperasi.

"Kumpulan yakin akan mempe-

roleh beberapa kontrak berkaitan aeroangkasa dan kebiasaannya kontrak untuk segmen ini dalam tempoh masa yang panjang antara 30 hingga 40 tahun.

"Ketika ini juga melalui rakan kerjasama kami, sudah ada beberapa kontrak yang berpotensi. Ia akan memberikan lebih nilai kepada prestasi keseluruhan kumpulan," katanya selepas mesyuarat agung luar biasa (EGM) di Kuala Lumpur, semalam.

Kilang aeroangkasanya itu adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dibangunkan di tapak seluas 0.8 hektar di Taman Perkilangan Bernilai Tinggi UMW di Serendah, Selangor.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Tan Kean Soon, berkata walaupun kumpulan masih baharu dalam segmen aeroangkasa tetapi permintaan tinggi bagi segmen itu dalam pasaran bakal membawa kejayaan kepada T7 Global.

Selain itu katanya, kumpulan yakin segmen O&G akan terus berkembang seiring dengan prestasi positif pasaran minyak mentah dunia.

"Pasaran O&G dijangka terus men-

gukuh tahun hadapan dan kumpulan yakin dapat menambah buku tempahan kami bagi O&G.

"Malah PETRONAS juga aktif dalam menawarkan beberapa projek yang berpotensi untuk kumpulan peroleh," katanya.

Mengenai rundingan semula harga projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), Tan berkata pihaknya masih menunggu laporan penuh mengenai projek itu daripada kerajaan.



Nik Norzrul (tengah), bersama Kean Soon; Pengerah T7 Global, Datuk Sheikh Fahmi Al Tamimi; Pengerah Eksekutif T7 Global, Tan Kay Vin dan Pengerah Bebas Bukan Eksekutif T7 Global, Tan Sam Eng pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) di Kuala Lumpur, semalam.

Pada Mac lalu, T7 Global menandatangani memorandum persefahaman (MoU) baharu dengan syarikat milik kerajaan Terengganu, Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd (EPIC) dan CMC Engineering Sdn Bhd, bagi membentuk konsortium untuk melaksana pembinaan bahagiannya dalam projek ECRL.

"Kami berharap kumpulan dapat lebih pembabitan dengan kerajaan mengenai projek ECRL. Ketika ini ia tidak membabitkan

sebarang kerugian terhadap pihak kami kerana ia masih di peringkat awal.

"Namun kumpulan akan kembali meneliti jika terdapat perubahan kos projek secara keseluruhan dan nilai kontrak," katanya.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahatir Mohamad pada Jun lalu berkata kerajaan akan meneruskan ECRL jika memperoleh terma yang lebih baik menerusi rundingan semula itu dan jika kos projek dikurangkan.

LAMPIRAN 5

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7

TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

Bencana gempa bumi, bersediakah kita?

BENCANA gempa bumi adalah satu bencana alam utama yang berlaku di seluruh dunia terutama bagi negara-negara yang berada di lingkaran api Pasifik seperti di Indonesia dan Jepun. Terbaharu, kejadian gempa bumi di Lombok telah mengorbankan seramai 436 orang penduduk selain kerosakan tempat tinggal yang dianggarkan sebanyak 22,000 buah rumah.

Malaysia tidak terletak di lingkaran api Pasifik yang secara umumnya terhindar daripada gempa bumi. Namun, ini tidak bermakna ia tidak akan menimpa kita. Setakat ini kita perlu bersyukur kerana bencana gempa bumi yang berskala besar masih tidak berlaku di negara ini, namun gempa bumi yang berskala kecil telah banyak berlaku. Persoalannya, adakah kita sudah bersedia sekiranya berlaku bencana gempa bumi dalam skala besar?

Menurut kajian dalam kejuruteraan bangunan, kebanyakan struktur bangunan sedia ada di negara ini tidak mengambil kira kepada aspek kesan gempa bumi ke atas bangunan tersebut. Ini kerana rujukan yang digunakan untuk reka struktur binaan ba-



**MOHD.
ZULKHAIRI
MAT SALLEH**

ngunan hanya merujuk kepada 'British Standard' dan Euro Code yang mana sumber-sumber rujukan ini tidak mengambil kira aspek daya tahan bangunan terhadap kesan gempa bumi. Ini bermakna jika berlaku gempa bumi, bangunan di sekeliling kita tidak selamat dan akan runtuh. Walaupun kajian berkenaan ketahanan bangunan terhadap gempa bumi giat dijalankan dari semasa ke semasa, namun ia memerlukan masa panjang untuk disempurnakan.

Dari segi persediaan menghadapi bencana ini, sudah banyak inisiatif dan pelan tindakan telah dibuat oleh pihak bertanggungjawab sama ada daripada kerajaan atau agensi-agensi yang terlibat. Contoh inisiatif terbaharu yang dibuat adalah penambahbaikan Pelan Tindakan Nasional Pengurangan Risiko Bencana yang mana penerapan sains dan teknologi digunakan dalam menentukan sebarang tindakan. Pe-

rubahan pelan tindakan ini telah diumumkan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail baru-baru ini.

Namun, segala pelan tindakan ini tidak akan berjaya sekiranya tahap kesedaran bahaya bencana ini tidak diterapkan di dalam diri masyarakat. Sikap masyarakat kita yang tidak mengambil berat sesuatu isu sehinggalah ia berlaku adalah masalah utama kepada kejayaan dalam melawan risiko bencana ini. Jika ini berlaku ini samalah seperti ungkapan pepatah Melayu yang berbunyi '*menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berguna*'. Maksudnya jika selepas berlaku bencana baru kita hendak bertindak, maka ia sudah pun terlambat.

Oleh itu, bagi memastikan masyarakat kita bersedia menghadapi bencana ini, kempen kesedaran perlu dibuat di semua peringkat sama ada kanak-kanak, remaja atau orang dewasa. Kempen-kempen kesedaran ini perlu dimulakan dari sekarang sebelum berlakunya gempa bumi. Pastikan masyarakat kita terutama remaja lebih cakna dalam isu keselamatan diri dan pengu-

rusan risiko bencana berbanding isu-isu lain yang tidak penting.

Selain itu, program-program latihan dan kursus sendiri setiap individu perlu diwujudkan. Antara latihan yang boleh dibuat adalah seperti latihan pengurusan pemindahan ketika bencana, pengurusan psikologi, program peningkatan pengetahuan mengurus diri sebelum bantuan sampai dan sebagainya. Dengan peningkatan aktiviti-aktiviti ini dalam kalangan masyarakat, ia dapat menambah kesedaran di samping melatih diri untuk lebih bersedia menghadapi bencana.

Jika semua perkara yang dinyatakan di atas diambil kira dan dipraktikkan, nescaya jika berlakunya bencana gempa bumi di negara ini masyarakat kita sudah bersedia untuk menghadapinya sama ada secara fizikal atau mental.

PENULIS ialah Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Johor, Kampus Pasir Gudang.

Ini kerana rujukan yang digunakan untuk reka struktur binaan bangunan hanya merujuk kepada 'British Standard' dan Euro Code yang mana sumber-sumber rujukan ini tidak mengambil kira aspek daya tahan bangunan terhadap kesan gempa bumi."



LAMPIRAN 6
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 16
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

TNB peruntukkan RM3.5 juta bantu asnaf

TUMPAT – Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan memperuntukkan kira-kira RM3.5 juta bagi membantu golongan asnaf untuk memiliki rumah yang selesa di bawah projek Baiti Jannnati di seluruh negeri ini.

Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Kelantan, Datuk Md. Yuslan Md. Yusof berkata, sejak diperkenalkan pada 2008, seramai 76 penerima telah men-



TENAGA NASIONAL

Better. Brighter.

dapat manfaat tersebut yang merupakan hasil wang zakat perniagaan syarikat berkenaan.

Menurutnya, ini merupakan khidmat sosial pihaknya membantu

golongan asnaf untuk memiliki sebuah rumah yang lebih selesa sekali gus dapat memberikan kehidupan baharu buat penerima.

“Untuk tahun ini sebanyak 15 buah rumah di bawah projek tersebut telah

diperuntukkan kepada golongan asnaf di seluruh negeri dengan setiap satunya membabitkan peruntukkan berjumlah RM50,000 seunit.

“Daripada jumlah tersebut, dua telah kita serahkan kepada penerima dan selebihnya dalam proses pembinaan.

“Kita jangka semua projek ini akan siap pada Oktober nanti,” katanya selepas Majlis Kesyukuran Projek Baiti Jannnati 2018 Peringkat Negeri Kelantan di Kampung Delima, Wakaf Bharu di sini semalam.

LAMPIRAN 7
KOSMO (RENCANA UTAMA): MUKA SURAT 21
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)



LAMPIRAN 7 (SAMBUNGAN) KOSMO (RENCANA UTAMA): MUKA SURAT 22 TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

RENCANA UTAMA

MESIN dikawal dengan mengaktifkan tombol-tombol yang bertulis pintu, perut, leher dan sebagainya untuk proses sembelihan.

REL penyangkut di bahagian atas bangunan yang direka khas mampu mengangkat bebanan sehingga lima tan untuk proses melapah.

Pusat penyembelihan di Masjid Puncak Alam, Selangor berkelengkapan komprehensif dengan sistem saliran sistematik. Dilengkapi mesin hidraulik, proses untuk sembelihan seekor lembu hanya memakan masa antara lima hingga 10 minit.

Mesin hidraulik bantu sembelihan

LEMBU-LEMBU itu 'beratur' untuk disembelih. Di satu laluan khas berpagar yang diperbuat daripada besi bergalvani di tepi padang ragut di kawasan Masjid Puncak Alam, Selangor yang berseni bina moden, lembu-lembu itu bakal dikorbankan satu per satu dalam tempoh singkat. Tanpa panorama orang ramai bekerja keras menarik tali yang mengikat kaki-kaki lembu untuk dijatuhkan seperti acara korban tipikal, tiada juga lembu yang dihenyak jemaah ketika berhempas pulas untuk menumbangkan haiwan itu ke tanah. Kegusaran orang awam dikejar lembu naik minyak juga hampir tiada kerana padang ragut itu dikandang ampuh dengan batang-batang besi utuh.

Mesin sembelihan pula mengambil alih tugas sebahagian besar tenaga manusia dalam memudahkan urusan korban sehingga 20 ekor lembu pada Hari Raya Aidiladha. Dengan menekan salah satu tombol, mesin yang sudah berisi lembu hidup itu diarahkan ke arah kiblat untuk sembelihan oleh imam yang sudah bersedia dengan pisau tajam. Begitulah keunikan ibadah korban di Masjid Puncak Alam yang berbeza daripada ibadah korban tradisional di masjid-masjid. Ia dilengkapi pusat penyembelihan haiwan ternakan berciri moden dan sistematik berkeluasan 462 meter persegi. Tidak keterlaluan jika dikatakan Masjid Puncak Alam paling

dikenali dengan pusat penyembelihan di masjid dan kaedah korban modernnya di negara ini. Sebuah mesin hidraulik binaan tetap di pusat penyembelihan itu telah memudahkan kerja-kerja sembelihan di masjid tersebut sejak tiga tahun lalu.

Tombol

Mesin hidraulik berserta sistem di pusat penyembelihan itu direka oleh pereka cipta peralatan berteknologi Zulkifli Haron daripada Zull Design Autotronic. Kewujudan pusat sembelihan itu ditunjangi oleh Pengerusi Masjid Puncak Alam, Tan Sri Rozali Ismail yang juga selaku pencetus idea, penyumbang dan pewakaf utama. Mesin tersebut dibeli pada harga RM150,000 manakala kos keseluruhan pusat penyembelihan ialah lebih RM260,000.

Pegawai Teknikal Masjid, Mohd. Zain Wafr Kamarul Anowa

yang bertanggungjawab mengendalikan mesin tersebut berkata, penggunaan mesin itu membolehkan proses sembelihan lembu berlangsung lebih singkat. "Ketika mula

mengendalikan mesin ini pada tahun 2015, saya berasa teruja kerana tidak pernah menyaksikan sesuatu seperti ini. Saya tidak pernah menyangka korban dapat dipraktikkan seanggh ini.

"Proses untuk lembu masuk ke pintu mesin sehingga ia selesai disembelih cuma mengambil masa antara lima hingga 10 minit," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di masjid tersebut baru-baru ini.

Mohd. Zain menjelaskan, mesin yang diperbuat daripada besi keluli tahan karat itu mempunyai beberapa tombol seperti pintu, perut, badan, tengkuk, sangkar dan platform.

"Tombol pintu ditekan untuk membuka dan menutup pintu mesin setelah seekor lembu memasukinya. Proses penghimpitan pula dilakukan dengan menekan tombol perut, badan dan tengkuk bagi besi memegang bahagian-bahagian tubuh haiwan itu. Tombol badan membantu membuat haiwan itu berdiri sekiranya ia stres dan duduk.

"Apabila tombol sangkar diaktifkan, mesin yang pada asalnya dalam kedudukan tegak akan mengiring atau dibaringkan ke kanan, sekali gus lembu dalam kedudukan tumbang. Kemudian, tombol platform ditekan untuk

PUSAT penyembelihan yang bereka bentuk terbuka.

PADANG ragut yang dipagari dengan besi bergalvani terletak bersebelahan bangunan sembelihan.

LAMPIRAN 7 (SAMBUNGAN) KOSMO (RENCANA UTAMA): MUKA SURAT 23 TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

mengarahkan lembu dan mesin ke arah kiblat sebelum imam menyembelih haiwan itu," katanya.

Saliran

Mohd. Zain berkata, biasanya korban di masjid itu melibatkan tidak kurang 15 ekor lembu tetapi pada tahun ini sembelihan 20 ekor lembu akan dilakukan pada hari raya pertama Aidiladha dan lima ekor lembu lagi pada Sabtu atau hari raya keempat.



AFIF IZWANI



MOHD. ZAIN



ASYRAFF

Berkesempatan mengunjungi masjid itu baru-baru ini, Kosmo! dapat pusat penyembelihan moden dan berkelengkapan komprehensif. Dibina dengan reka bentuk terbuka, pengudaraannya juga selesai dengan kipas-kipas di dinding.

Imam Masjid Puncak Alam, Afif Izwani Nordin

berkata, sistem yang terdapat pada pusat penyembelihan itu bukan sahaja memudahkan urusan korban dengan mengurangkan penggunaan tenaga manusia bahkan lebih selamat dan bersih.

"Boleh dikatakan 80 peratus proses penyembelihan sehingga melapah dan memotong di pusat penyembelihan ini menggunakan bantuan teknologi.

"Jika korban tradisional mungkin memerlukan 10 orang untuk menumbangkan seekor lembu, kaedah ini mungkin memerlukan cuma empat orang iaitu tiga orang memegang kepala dan seorang tukang sembelih, bilangan ini tidak termasuk seorang jurukawal mesin," katanya.

Bukan itu sahaja, Afif Izwani berkata, pusat penyembelihan itu juga dilengkapi rel besi penyangkut daging lembu di atas siling bagi memudahkan proses melapah serta sistem saliran darah lembu



korban yang menapis darah beku dan lemak bagi menghindari pencemaran persekitaran.

"Bagi korban tradisional, kebiasaannya kapak digunakan untuk memotong tulang tetapi di sini, kami menggunakan mesin pemotong tulang yang direka khas," katanya.

Australia

Menurutnya, banyak pihak telah melakukan kunjungan untuk menyaksikan amalan korban moden di pusat penyembelihan antaranya Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan masjid-masjid sekitar Kuala Lumpur.

"Pusat penyembelihan masjid ini juga pernah digunakan untuk sembelihan kambing Australia oleh satu pihak dari Australia dan telah mendapat kebenaran oleh pihak audit dari negara itu yang mendapati pusat penyembelihan ini menepati piawaian mereka. Mereka hanya menggunakan tempat ini untuk sembelihan dan bukan mesin kerana setakat ini mesin kita hanya digunakan untuk sembelihan lembu," ujarnya.

Afif berkata, sebelum ini, pusat penyembelihan ini hanya digunakan setahun sekali apabila tiba perayaan Aidiladha, namun sejak tiga bulan lalu, pihak masjid telah mempromosikan perkhidmatannya kepada orang awam



BEGINILAH keindahan Masjid Puncak Alam di Puncak Alam, Selangor yang berseni bina moden.

MESIN hidraulik untuk sembelihan yang dipadukan dengan sistem saliran darah korban di lantai pusat penyembelihan menjamin kebersihan.

yang berminat menggunakannya untuk sembelihan.

"Setakat ini, sudah ada pihak lain yang menggunakannya untuk tujuan kenduri. Mereka perlu membawa lembu ke sini untuk sembelih kerana mesin ini berbinaan tetap," ujarnya.

Sementara itu, jurutera di Zull Design Autotronic, Muhammad Asyraf Zulkifli berkata, mesin tersebut dipanggil mesin hidraulik kerana dioperasikan menggunakan minyak hidraulik.

"Namun, kami biasanya hanya datang ke situ untuk melakukan servis penyelenggaraan minyak itu setahun sekali. Kebiasaannya minyak tersebut tahan lama, namun jika minyak sudah tidak elok, kita akan gantikan minyak yang baharu.

"Berat mesin hidraulik itu ialah lima tan dan diperbuat daripada besi keluli tahan karat. Boleh dikatakan, mesin yang dibeli oleh masjid tersebut adalah yang terbaik yang pernah kami hasilkan," katanya.

Selain itu katanya, rel besi penyangkut lembu itu pula menggunakan teknologi winch yang mana dapat mengangkat bebanan berat sehingga tiga tan.

"Pagar kandang pula yang berukuran antara enam hingga 12 meter (m) direka boleh dibuka pada setiap 1.5m, sekali gus memudahkan urusan pengalihan dan pergerakan lembu tanpa perlu digerakkan jauh," katanya.

RENCANA UTAMA

INFO Masjid Puncak Alam

■ Terletak di Puncak Alam, Selangor. Ia merupakan sebuah masjid baharu yang mula dibina pada 1 Julai 2011 dan siap sepenuhnya pada 15 Jun 2014

■ Berseni bina moden, masjid ini mempunyai rekaun dua menara tinggi tanpa kubah

■ Masjid ini dilengkapi pelbagai kemudahan seperti pusat penyembelihan, kafeteria, khidmat gunting rambut, dewan serba guna dan sebagainya

■ Pusat penyembelihan masjid ini terkenal dengan kaedah korban moden

■ Sebelum ini, pusat penyembelihan hanya digunakan pada Aidiladha, namun sejak tiga bulan lalu ia dipromosikan untuk kegunaan pihak yang berminat

■ Bagi mereka yang berminat, caj yang dikenakan ialah RM100 untuk seekor lembu dan RM30 untuk upah sembelih serta urus sembelihan

■ Alamat: Masjid Puncak Alam, Persiaran Puncak Alam 1, 42300 Puncak Alam, Selangor

■ No. Tel: 03-3392 2811/ 03-3392 2814

Rancang jadi hab halal setempat

MASJID Puncak Alam di Selangor merencana untuk menjadikan pusat penyembelihan haiwan ternakan di masjid berkenaan sebagai hab halal setempat bagi perancangan masa hadapan.

Sering menjadi tumpuan banyak pihak kerana bersifat komprehensif dan sistematik, perkara itu dilihat sesuatu yang bertepatan untuk direalisasikan.

Nazir dan Pengurus Masjid Puncak Alam, Dr. Shuhadak Mahmud berkata, pihak masjid merangka untuk menjadikan pusat penyembelihan itu sebagai

hab halal yang dapat menyediakan daging-daging haiwan ternakan halal dan segar bagi orang ramai khususnya penduduk di Puncak Alam.

"Kami merancang untuk menjadikannya sebagai tempat penyembelihan dan membekalkan daging-daging haiwan ternakan yang halal serta segar kepada penduduk setempat.

"Sebahagian kecil wang hasil pembelian daging itu mungkin disalurkan kepada masjid, sekali



SHUHADAK

gus membolehkan orang ramai membeli sambil menyumbang kepada pembangunan masjid," katanya.

Bagaimanapun, Shuhadak berkata, sasaran untuk melaksanakan program itu masih belum dapat ditentukan.

Berhubung penggunaan teknologi moden di pusat penyembelihan masjid itu, Shuhadak berkata, ia membantu memudahkan anak-anak kariah dalam melaksanakan urusan ibadah.

"Selain itu, penggunaan ini juga dapat menaikkan imej masjid sebagai syiar agama Islam dan menunjukkan bahawa masjid juga seiring dengan dunia yang semakin moden.

"Ia juga akan menarik anak-anak muda dan orang ramai untuk mendampingi masjid.

"Selain itu, landskap masjid yang ceria dan menghijau dengan sokongan sistem pencahayaan serta siar raya yang dikawal selia secara rapi membantu memberikan keselesaan kepada pengunjung," katanya.

LAMPIRAN 8
MALAY MAIL (WORLD): MUKA SURAT 14
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

Turnbull waters down energy bill over leadership fears

SYDNEY — Australian Prime Minister Malcolm Turnbull yesterday averted a possible leadership challenge by dropping targets for cutting greenhouse gas emissions to appease his critics, as a poll showed his government losing voter support.

Conservatives in his coalition were reportedly sounding out colleagues for a possible leadership challenge before Turnbull announced the removal of emission reduction targets from the National Energy Guarantee (NEG) policy.

Under headlines such as “PM’s leadership on knife edge”, major papers said some government members were gauging support for Home Affairs Minister Peter Dutton to replace Turnbull. Dutton said he supported the prime minister.

Asked whether his leadership was under threat, Turnbull declared: “I enjoy the confidence of the cabinet and my party room”.

The leadership talk was fuelled by an Ipsos poll published in Fairfax newspapers, which showed support for Turnbull’s Liberal-National coalition falling four points to 45 per cent, 10 points behind opposition party Labor and enough for a crushing electoral defeat. The next election is due by 2019.

Turnbull said his slim parliamentary majority and internal dissent, with some government members saying they would vote against the energy policy, left him no option but to remove the emission cuts that were part of the Paris Climate Agreement.

“Politics is governed by the iron laws of arithmetic and in a House of Representatives with a one-seat majority ... if a small number of people are not prepared to vote with the government on a measure, then it won’t get passed,” Turnbull told reporters.

Though Australia remains a signatory to the Paris accord, the removal of emissions targets from the NEG mean the country has no legislative or regulatory path to meeting the agreement’s requirements.

Turnbull’s move may relieve immediate pressure on his leadership, though internal peace is seen as fragile as the government’s re-election prospects look dim. And having conceded on energy, he may face demands for other changes.

“It’s a complete capitulation to the right-

wing members of the Liberal Party of Australia,” said Robyn Eckersley, professor and head of political science at University of Melbourne.

“Turnbull is desperately hanging on to his leadership above and beyond everything else.”

In 2009, Turnbull, then leader of the Liberal Party in opposition, crossed the floor to vote with the Labor government in favour of an emissions trading scheme, a move that ultimately lost him the party leadership.

A successful challenge to Turnbull’s prime ministership would have been the fifth change in national leadership since 2009, with no prime minister seeing out a full term in office since 2007. — Reuters

LAMPIRAN 9
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 25
TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

MAGNITUDE 6.9

LOMBOK RELIEF EFFORTS STEPPED UP AS AFTERSHOCKS KILL 10

More than 100 aftershocks recorded after Sunday's quake

MATARAM

AT least 10 people were killed by strong tremors that rocked Indonesia's holiday island of Lombok on Sunday, authorities said following the latest in a series of earthquakes that killed hundreds and forced thousands to flee their homes in recent weeks.

Nearly 500 people have died in quakes and aftershocks since July 29 across the northern coast of the island, which lies just east of Indonesia's top tourist destination, Bali.

Sutopo Purwo Nugroho, a spokesman at the national disaster mitigation agency, said yesterday relief and reconstruction efforts had been "intensified".

"The rebuilding of public facilities like hospitals and schools is being speeded up," he said.



Military personnel distributing supplies to residents in Mataram on Indonesia's Lombok island yesterday. AFP PIC

He said more than 100 aftershocks had been recorded since Sunday night's magnitude 6.9 quake.

Aftershocks ranging between magnitude 4 and 5 were continuing yesterday and access to some areas had been cut off by landslides triggered by the

tremors, according to officials in Lombok's main city here.

Sunday's quake came exactly a fortnight after another 6.9 magnitude earthquake which killed around 460 people and prompted massive search, rescue and relief efforts.

Authorities estimate that the

Aug 5 earthquake caused 5 trillion rupiah (RM1.4 billion) of damage on Lombok.

Hundreds of thousands of residents have been left homeless and are camped out in open fields, refusing to shelter indoors due to continuing tremors.

Reuters

LAMPIRAN 10 THE STAR (ECO WATCH): MUKA SURAT 7 TARIKH: 21 OGOS 2018 (SELASA)

RESEARCHERS have expressed concern about the rapid pace of climate change, after a glacier on Sweden's Kebnekaise mountain melted so much in sweltering Arctic temperatures that it is no longer the country's highest point.

"It's quite scary," Dr Gunhild Ninis Rosqvist, a Stockholm University geography professor who has been measuring the glacier for many years as part of climate change research, says.

"This glacier is a symbol for all the glaciers in the world. This whole environment is melting, the snow is melting, and it affects the entire ecosystem: the plants, the animals, the climate, everything," says Dr Rosqvist, who is also the head of the Tarfala research station near Kebnekaise.

"You see the effects of climate change so clearly here. And for Sweden, Kebnekaise's southern peak is such an iconic symbol."

A popular tourist destination located in Sweden's far north, Kebnekaise has two main peaks – a southern one covered by a glacier and a northern one free of ice.

The southern peak lost 4m of snow between July 2 and July 31.

"It looked different this year. The snow was melting, the glacier surface has never been as low as it is now. I saw meltwater trickling down the sides, I've never seen that before," Dr Rosqvist says.

When measured earlier in the month, the southern peak reached 2,097m above sea level, just 20cm higher than the northern tip's 2,096.8m.

On a daily basis last month, the southern peak lost on average 14cm of snow, as Sweden registered record hot temperatures that triggered dozens of wildfires across the country, even in the Arctic Circle.

Dr Rosqvist says the southern peak was most certainly lower than the northern peak.

"We haven't gone up today to measure it, but we've checked the temperature and it was really warm yesterday; it was over 20°C,



A handout picture released by Stockholm University shows Dr Rosqvist taking measurements atop Sweden's highest peak, a glacier on the southern tip of the Kebnekaise mountain in northern Sweden. — AFP

so it has surely melted" below the level of the northern peak, she says.

Dr Rosqvist and her team will measure the peak again around Sept 8, "when the summer is over".

"It could easily be a metre under the northern peak by the end of summer."

The southern glacier, whose height has been registered since 1880, has been melting by 1m every year over the past two decades, according to Stockholm University.

The glacier could grow this coming winter and the southern peak could even rise above the northern peak again, before some of it melts away next summer if the weather is warm.

According to Martin Hedberg,

meteorologist at the Swedish Weather and Climate Centre, "extreme heat is 100 times more common today than it was during the 1950s, 1960s and 1970s" globally.

"The temperature differences between the Arctic and the Mediterranean are narrowing," he says.

Kebnekaise's two peaks may compete for the title of Sweden's highest point for the next few years, Dr Rosqvist predicts.

She lamented that political targets to combat climate change, including the Paris Agreement which calls for capping the global rise in temperature at below 2°C, were not having enough of an impact.

"With these targets, our glaciers are going to disappear.

"It's an election this year in Sweden, and yet no one is talking about this," she bristles, referring to the country's general election on Sept 9.

With 2014, 2015 and 2016 being the hottest years on record globally, she says changes are needed "in the way our societies are struc-

tured" to reduce greenhouse gas emissions.

She cited cuts in fossil fuel usage and more electric cars as examples.

"Many people want these changes, and they're prepared to change their consumer habits," she adds. — AFP